

20 NOV 1997

Nik Aziz-Usul

NIK AZIZ PERJELAS KENAPA PAS TOLAK USUL PERCAYA TERHADAP DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 20 Nov (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini menjelaskan kenapa parti itu menolak usul percaya terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diluluskan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, PAS mempunyai dasarnya tersendiri dalam memberi sokongan kepada kerajaan pusat iaitu parti itu hanya menyokong usaha Dr Mahathir menentang campur tangan pihak luar terutama Amerika Syarikat dalam pentadbiran negara.

"Bagaimanapun PAS (sebagai parti pembangkang) tidak menyokong kepimpinan Dr Mahathir secara mutlak, kalau kita sokong kepimpinan Perdana Menteri kini secara mutlak, bererti kita hidup dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem satu parti," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

PAS menolak usul berkenaan dengan alasan "ia terlalu kecil dan tidak penting serta bukan berteraskan akidah".

Timbalan Presiden PAS Abdul Hadi Awang ketika membahaskan usul itu menyoal tentang perlunya perbahasan atas alasan Perdana Menteri sebenarnya mendapat kepercayaan rakyat dan terlalu kuat.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata antara kepimpinan secara mutlak yang tidak disokong oleh parti itu ialah tindakan yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir dan Barisan Nasional dalam pentadbiran negara.

"Kita (PAS) sokong Dr Mahathir dari segi penentangan beliau terhadap campur tangan Amerika dalam urusan pentadbiran negara," katanya.

Mengenai cadangan menaikkan harga minyak masak sebanyak 30 peratus, Nik Aziz meminta supaya kerajaan mengkaji perkara itu secara serius supaya kenaikan itu tidak membebankan rakyat.

Beliau berkata, minyak masak yang juga merupakan barangan kawalan tidak boleh dibiarkan harganya terus naik dan kerajaan mempunyai kuasa untuk mengatasinya walaupun kenaikan itu berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Semalam Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menyatakan setakat ini tidak ada keputusan muktamad mengenai kadar baru harga minyak masak berikutan ketiadaan kata sepakat antara pengeluar komoditi berkenaan.

--BERNAMA

BD oba